



JUMAAT, 11 DISEMBER 2020  
10.00 PAGI

## HEBAHAN TERKINI

Selaras dengan pengumuman kerajaan terhadap penamatan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan meneruskannya dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia (USM) ingin memaklumkan mengenai keputusan universiti terhadap beberapa perkara utama termasuk:

### **1. PERGERAKAN RENTAS NEGERI**

Pengerakan rentas negeri dan daerah ke kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) adalah **DILARANG**, manakala pergerakan ke kawasan ZON MERAH terutama Mukim Merah juga **TIDAK DIGALAKKAN**. Oleh itu, bagi warga kampus yang berkeperluan menjalankan tugas rasmi di kawasan berkenaan perlu mendapat **kebenaran dari ketua jabatan** masing-masing. Staf yang diluluskan pergerakan tugas rasmi perlu mematuhi SOP dengan ketat serta perlu menjalani pengawasan kendiri di rumah sehingga 14 hari dan menjalani saringan risiko COVID-19 di fasiliti kesihatan kampus masing-masing sebaik saja kembali ke kampus.

### **2. PERGERAKAN KEMASUKAN PELAJAR BALIK KE KAMPUS**

Oleh kerana pembelajaran secara dalam talian akan dilakukan sehingga hujung Semester 1, hanya pelajar yang terdesak untuk masuk ke kampus sahaja boleh dipertimbangkan. Bagi pelajar yang perlu mengikuti pembelajaran di dalam kampus, proses kemasukan masih mengikut SOP sedia ada termasuk mendapat kelulusan Dekan/Pengarah. Justeru, kerjasama dan perhatian Dekan/Pengarah adalah diperlukan untuk menasihati para pelajar supaya hadir ke kampus mengikut tarikh yang telah diluluskan pada waktu pejabat (Isnin – Jumaat).

### **3. AKTIVITI STAF DAN PELAJAR DALAM KAMPUS**

Staf dan juga pelajar yang menetap dalam kampus sahaja dibenarkan menggunakan ruang pembelajaran di dalam kampus untuk aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan dengan mendapat kelulusan Dekan/ketua jabatan. Walau bagaimanapun, kapasiti maksimum untuk sesuatu aktiviti dijalankan adalah **TIDAK MELEBIHI 50 ORANG** dalam satu-satu masa, mengikut kapasiti ruang yang sesuai dengan penjarakan sosial. Penganjur aktiviti tersebut perlu membuat pemantauan ketika aktiviti dijalankan bagi memastikan SOP dipatuhi pada setiap masa.

### **4. OPERASI SHUTTLE BUS**

Perkhidmatan shuttle bus sebagai pengangkutan warga kampus di Kampus Kejuruteraan akan beroperasi mulai 14 Disember 2020 (Isnin).

Waktu bas bergerak adalah seperti berikut:

Dari Kampus Induk ke Kampus Kejuruteraan – 7.30 pagi, 11.00 pagi, 3.30 petang, 5.00 petang

Dari Kampus Kejuruteraan ke Kampus Induk – 8.30 pagi, 11.00 pagi, 3.30 petang, 5.00 petang

Bagi warga kampus yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan ini, mereka hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

## **5. PEMBUKAAN PINTU MASUK BATU UBAN**

**Pintu Batu Uban di Kampus Induk akan mula beroperasi pada 14 Disember 2020, jam 6.30 pagi sehingga 7.00 petang pada hari bekerja sahaja.** Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am, pintu ini ditutup.

## **6. PERINGATAN**

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, semua pelajar digesa supaya sentiasa mengamalkan kawalan kendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit.

Sekiranya mengalami gejala COVID-19, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian hotline Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- 1) Kampus Induk :- 04-6532267 / 04-6536124 (Nerve Centre)
- 2) Kampus Kesihatan :- 09-7671306
- 3) Kampus Kejuruteraan :- 04-5995530/5531/5532/5533
- 4) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) :- 04-5622999

Email :- [nerve\\_centre\\_usm@usm.my](mailto:nerve_centre_usm@usm.my)

## **PROFESOR DR. MD ROSLAN HASHIM**

Pengerusi Nerve Centre COVID-19 USM

Merangkap

Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi  
Universiti Sains Malaysia

11 Disember 2020